



KKM menasihatkan orang ramai mengemaskini aplikasi MySejahtera dan menggunakan sepenuhnya semua fungsi dalam aplikasi itu.

(Foto hiasan)

Penularan COVID-19

MySejahtera maklum pengguna positif

Pembaharuan aplikasi turut beri nasihat, pelan susulan penilaian sendiri

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pengguna MySejahtera yang disahkan positif COVID-19 akan menerima pemakluman berkenaan kes itu menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) dan *Push Notification* yang terdapat dalam aplikasi berkenaan, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, pembaharuan

dibuat dalam aplikasi itu sudah dimulakan semalam dan individu berkenaan juga akan mendapat nasihat serta pelan susulan penilaian sendiri.

Katanya, aplikasi MySejahtera juga akan memberi peringatan kepada pengguna setiap hari untuk melakukan penilaian pemantauan gejala COVID-19 di bahagian 'Perlu dilakukan' dalam tempoh 10 hari berturut-turut.

"Jika pengguna bergejala, maklumat berkenaan akan terus disalurkan ke pusat penilaian COVID-19 dan pengguna akan dihubungi petugas kesihatan untuk penilaian lanjut.

"Bagi memperkasakan pengguna yang positif untuk melaporkan sendiri kepada Kementerian Kesihatan (KKM), mereka juga boleh membuat pelaporan sendiri sekiranya

mereka sudah disahkan positif dan sedang menunggu panggilan dari KKM.

"Mereka boleh ke 'MySejahtera HelpDesk' di halaman utama aplikasi berkenaan dan ikuti arahan di ruang G," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, orang ramai juga dinasihatkan untuk mengemaskini aplikasi MySejahtera dan menggunakan sepenuhnya semua fungsi dalam aplikasi itu.

"Kita berharap dengan pengemaskinian aplikasi MySejahtera ini, pengurusan semua kes positif COVID-19 dapat berjalan lebih lancar dan memenuhi keperluan semua pengguna.

"Ini selaras dengan hasrat KKM untuk memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 dalam kalangan komuniti dengan lebih berkesan," katanya.